

13 NOV 1999

Abu Zahar-Calon

PENENTUAN CALON BERTANDING HAK PRESIDEN: ABU ZAHAR

JASIN, 13 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin tidak menolak kemungkinan beliau adalah antara pemimpin negeri yang akan berpindah ke kerusi parlimen pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

"Bagi saya, penentuan untuk calon bertanding di mana-mana adalah hak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno...kita sebagai ahli mengikut arahan," katanya.

"Saya akan terima arahan bertanding di mana-mana...(bagaimanapun) saya lebih bersetuju untuk terus duduk di negeri kerana masih banyak tugas yang perlu diteruskan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abu Zahar yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Melaka diminta mengulas analisis sebuah akhbar tempatan bahawa beliau ialah antara pemimpin peringkat negeri yang dijangka "dipindahkan".

"Itu adalah spekulasi atau analisis akhbar...mungkin ada kebenaran dan mungkin tidak," kata beliau.

Mengenai senarai calon, Abu Zahar berkata senarai yang disediakan oleh BN negeri sedang dikemaskini sebelum dikemukakan kepada kepimpinan pusat dalam sehari dua ini.

"Saya menasihatkan mana-mana calon yang tidak terpilih supaya tidak lemah semangat...pastikan kerja diteruskan bagi membantu calon yang terpilih dan BN menang," katanya.

BN menguasai 22 daripada 25 kerusi Dewan Undangan Negeri yang baru dibubaran. Tiga lagi kerusi dimenangi oleh DAP. Daripada lima kerusi Parlimen, BN tewas di Kota Melaka kepada DAP.

-- BERNAMA

MOZ FAZ